

ABSTRAK

Disertasi ini mengemukakan kajian berkaitan dengan penggunaan bahasa Jawa di dua buah perkampungan, iaitu di Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru dalam daerah Batu Pahat, di Negeri Johor Darul Takzim. Fokus utama kajian ini ialah tentang penggunaan bahasa Jawa dan bentuk-bentuknya. Kajian ini juga turut mengkaji sama ada terdapatnya penggunaan bahasa-bahasa lain yang boleh mencetuskan sebarang fenomena penggunaan bahasa di kawasan kajian.

Berpandukan kepada beberapa buah kamus seperti *Kamus Bausastra Jawa-Indonesia* (1980), Jilid 1 dan Jilid 2, *Kamus Lengkap Bahasa Jawa: Jawa-Jawa, Jawa-Indonesia, Indonesia-Jawa* (2006), *Kamus Lengkap Bahasa Jawa: Jawa-Indonesia, Indonesia-Jawa* (2008) dan *Kamus Unggah-unggah Basa Jawa* (2001), tatatingkat dan bentuk-bentuk bahasa Jawa dapat dikenalpasti. Buku-buku yang diiktiraf oleh Bahagian Kurikulum Berbasis Kompetensi untuk teks peringkat sekolah dasar (sekolah rendah), sekolah lanjutan (sekolah menengah), madrasah dan umum di Indonesia juga digunakan sebagai panduan. Bentuk-bentuk bahasa Jawa yang terdapat dalam tatatingkat bahasa Jawa ialah krama inggil (ki), krama (k), krama-ngoko (k, ng) dan ngoko (ng).

Meskipun kawasan kajian merupakan sebuah perkampungan masyarakat berketurunan Jawa, namun penggunaan bahasa Jawa terutama bahasa Jawa bentuk krama (k) dikatakan telah dan sedang mengalami kemerosotan. Di samping itu, penutur bahasa Jawa di kawasan kajian juga dikatakan mengalami fenomena percampuran kod dan peralihan bahasa.

Justeru, bagi mengkaji tahap penggunaan dan penguasaan bahasa Jawa dalam kalangan penggunanya, dua peringkat penyelidikan telah direka bentuk, iaitu peringkat pertama berkait dengan soal selidik dan peringkat kedua ialah mengadakan sesi temu bual dan rakaman bersama informan. Instrumen untuk memungut data yang digunakan untuk kajian ini terdiri daripada dua set soalan, iaitu jenis soalan tertutup dan jenis soalan terbuka.

Oleh itu, kajian yang bercorak deskriptif dan berteraskan kajian etnolinguistik ini akan memperoleh data yang bersifat linguistik dan etnografi. Justeru, kajian ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan huluan (*upstream*) dan kaedah penyelidikan hiliran (*downstream*) oleh Asmah Haji Omar (1990) serta analisis domain oleh Fishman (1966). Komposisi informan kajian ini pula dipetik daripada pendekatan yang digunakan oleh Fasold (1984).

Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) yang dikatakan bahasa yang lebih ringkas dan mudah serta difahami oleh setiap generasi, mendominasi bahasa pertuturan di kawasan kajian dalam semua domain, selain adanya penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris terutama oleh generasi keempat (GIV), lingkungan umur 15 hingga 30 tahun. Melalui kajian ini, informan di kawasan kajian didapati lebih mengutamakan kepentingan sosioekonomi berbanding identiti etnik mereka. Dengan sebab itu, wujudnya fenomena kemerosotan penggunaan bahasa Jawa terutama bentuk krama (k), selain kecenderungan informan beralih ke bahasa lain yang boleh difahami oleh masyarakat yang tinggal di luar kawasan kajian, sehingga wujudnya masyarakat multilingual di kawasan kajian.

ABSTRACT

This dissertation presents a study regarding the use of Javanese language in two villages, namely, Kampung Parit Baru and Kampung Parit Lapis Baru at Batu Pahat, Johor. The main focus of this study is the use of the Javanese language and its variants, as well as other languages that may create language usage in the context of study.

Based on several dictionaries such as *Kamus Bausastra Jawa-Indonesia* (1980), Volume 1 and 2, *Kamus Lengkap Bahasa Jawa: Jawa-Jawa, Jawa-Indonesia, Indonesia-Jawa* (2006), *Kamus Lengkap Bahasa Jawa: Jawa-Indonesia, Indonesia-Jawa* (2008) and *Kamus Unggah-ungguh Basa Jawa* (2001), different levels and variants of Javanese language could be identified. Other than these dictionaries, textbooks for primary and secondary schools which are approved by the Competency-based Curriculum Division, religious and public schools in Indonesia have also been used as a source of reference for this investigation. The variants of Javanese language found are krama inggil (ki), krama (k), krama-ngoko (k, ng) and ngoko (ng).

Even though the locations of the study comprise people of Javanese ethnic, the use of the language, particularly, the variant of krama (k) has been declining. Besides, the Javanese speakers are believed to have experienced code-mixing and language transformation.

In order to investigate the extent to which Javanese language is used and mastered among its speakers, two stages of research have been designed. Firstly, survey questionnaire was distributed and later, interviews and recordings with informants were conducted. The

instruments used for the purpose of data collection were two sets of questions, namely closed and open questions.

This ethnolinguistics study which underpins the descriptive research being conducted has produced data which are linguistically and ethnographically rich in nature. Thus, this research applied upstream and downstream methods (Asmah Haji Omar, 1990), and the domain analysis (Fishman, 1966). While the informants composition was taken from an approach used by Fasold (1984).

The findings indicate that the use of Javanese language of variant ngoko (ng), which is the simplest and easy to understand by every generation, dominates as the spoken language in the locations of research. This is in addition to Malay language and English language, particularly by the fourth generation (GIV) whose age is between 15 to 30 years. It was found that the informants put priorities in socioeconomy to their ethnic identities. Because of that, there is a decline in the Javanese language usage especially of the variant krama (k). The informants were found to be inclined to use other languages which can be comprehended by those who live outside the research locations, hence, creating multilinguals among them.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak-banyak terima kasih penyelidik sampaikan khusus kepada Profesor Madya Dr. Faridah Noor Bte Mohd Noor selaku penyelia disertasi ini, kerana telah memberi bimbingan, tunjuk ajar, teguran, pendapat dan saranan sehingga disertasi ini siap ditulis.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih penyelidik sampaikan juga kepada pihak-pihak yang dinyatakan berikut ini atas bantuan dan kerjasama yang diberikan.

- 1 Jabatan Pembangunan Masyarakat, Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah Batu Pahat (PTPDBP)
- 2 Pusat Dokumentasi Yayasan Warisan Johor

Setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak-banyak terima kasih juga penyelidik rakamkan kepada informan dan penduduk kampung kajian atas kerjasama yang amat baik dan mesra sehingga terkumpulnya satu korpus bahasa yang amat menarik. Kajian ini mungkin tidak dapat disempurnakan tanpa sokongan dan kerjasama daripada mereka, terutama oleh:

- 1 Tuan Haji Bohari B. Selamat
- 2 Tuan Haji Ahmad Dariri B. Kasim
- 3 Puan Hajah Masamah Bte Meran
- 4 Puan Hajah Asmiaton Bte Haji Murakid
- 5 Encik Kardani B. Munajat
- 6 Encik Daud B. Jailani
- 7 Encik Md Nordin B. Temon
- 8 Encik Jumaat B. Abd Kadir

Begitu juga penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan sejawat dan pensyarah-pensyarah yang telah banyak memberi perangsang dan semangat sehingga disertasi ini siap ditulis.

Akhirnya, penyelidik ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu, Hajah Masamah Bte Meran, arwah bapa, Allahyarham Haji Tarmidi B. Haji Jemain dan suami, Mohd Amin B. Mohamed Yusof yang tercinta atas dorongan dan semangat yang diberikan sehingga disertasi ini dapat disiapkan. Sesungguhnya pengorbanan dan kasih sayang yang diberikan selama ini menjadi azimat kepada penyelidik untuk terus gigih dan tetap teguh berusaha menyiapkan disertasi ini meskipun terpaksa menempuh ranjau berliku.